

Dr. Mahathir sudah temui KM Sarawak berhubung pilihan raya

UM 1 SEP 7 1997
SEPANG 31 Ogos — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau sudah menemui Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud minggu lepas, membincangkan persiapan pilihan raya negeri.

Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata, dalam pertemuan itu, Abdul Taib memaklumkan secara umum mengenai senarai calon BN bagi menghadapi pilihan raya tersebut.

“Taib memberitahu secara umum tetapi tarikh pilihan raya akan

ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

“Katanya 3 September ini? Saya pun dapat maklumat daripada akhbar,” katanya ketika ditanya mengenai perkembangan terkini pilihan raya negeri yang bakal diadakan di Sarawak.

Dr. Mahathir diminta mengulas kenyataan Abdul Taib di Kuching, semalam bahawa beliau akan menemui Yang Dipertua Negeri, Tun. Abang Muhammad Salahuddin Isnin ini, untuk mendapatkan persetujuan pembubaran Dewan Undangan Negeri (DUN).

Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang Perlumbaan Lasak Merdeka Milenium 2001 di Litar F1 Sepang di sini, hari ini.

Menjawab soalan pemberita, Dr. Mahathir berkata, “memanglah awak tak boleh berterusan memerintah dan pilihan raya perlu diadakan.”

Semasa sidang akhbar selepas mesyuarat BN Sarawak semalam, Taib berkata, senarai calon BN akan diumumkan dua atau tiga hari sebelum hari penamaan calon.